

# Khazanah warisan penting cetus jiwa patriotik

B. H 11/11/07 M13 14

**D**I MALAYSIA rekod dan dokumen penting seawal kurun ke-14 memang sukar ditemui. Melalui bukti awal dan kesan peninggalan, sejarah penulisan menggunakan kertas di Tanah Melayu bermula sejak Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Rekod ini termasuk manuskrip *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan *Tuhfat Al-Nafis* yang kebanyakannya disimpan di arkib luar negara.

Dokumen surat Raja-Raja Melayu yang dihantar kepada ketua negara luar juga tersimpan di luar negara, manakala surat-surat ketua negara luar kepada Raja-Raja Melayu tidak diketahui dan hilang begitu saja. Banyak faktor menyebabkan kehilangan khazanah bernilai ini seperti tidak peduli dan cuai serta faktor cuaca. Apa pun yang paling utama sebab kehilangan atau kemusnahan ialah bahana peperangan.

Sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi, kesedaran mengenai kepentingan menguruskan rekod dan arkib dengan baik telah wujud di negara ini. Ini dapat dilihat daripada pertanyaan mengenai pengurusan rekod dan juga panduannya yang diedar dari masa ke semasa kepada jabatan kerajaan. Malangnya, sehingga selepas Perang Dunia Kedua tidak kelihatan sesuatu tindakan yang diambil secara bersama untuk menguruskan pemeliharaan rekod dan arkib melalui sebuah agensi pusat.

Kerajaan Tanah Jajahan British dan Tentera Jepun, kedua-duanya bertanggungjawab terhadap kehilangan rekod pada masa pendudukan mereka. Kedua-duanya memusnahkan rekod semasa berundur sebelum menyerah kalah. Menyedari bahawa banyak rekod negara dimusnahkan akibat peperangan, Setiausaha Tanah Jajahan telah mengeluarkan arahan melalui satu surat pekeliling pada 11 Mac 1948 supaya satu tinjauan dibuat untuk menentukan sejauh mana kemusnahan berlaku terhadap rekod awam pada masa peperangan untuk memperbaiki keadaan pemeliharaan rekod awam itu.

Bagi membantu menjalankan tinjauan ini

satu soal selidik yang disediakan Hilary Jenkinson, Pemangku Penyimpan Rekod, Public Record Office, London, diedarkan bersama-sama surat pekeliling itu. Bagaimanapun, keadaan darurat dalam negara pada masa itu menyebabkan kelewatan menyiapkan kajian soalselidik berkenaan.

Kajian lanjutan terhadap kedudukan rekod awam diadakan dan hasilnya sebuah Jawatankuasa Pemeliharaan dan Pemusnahan Rekod-Rekod Rasmi dibentuk dan dipengerusikan Ketua Peguamcara yang dilantik Kerajaan Tanah Jajahan British. Dalam laporannya yang dimajukan kepada kerajaan pada Januari 1956, jawatankuasa itu mengesyorkan supaya ditubuhkan satu jentera pentadbiran di bawah bimbingan seorang Pegawai Arkib yang bertanggungjawab ke atas pemeliharaan dan pemisahan rekod awam secara sistematik.

Seorang Pegawai Kanan dari Public Record Office, London dipinjamkan untuk meninjau keadaan rekod dan seterusnya mem-

buat cadangan mengenai undang-undang berkaitan dengan pemeliharaan rekod awam. Laporan itu juga menarik perhatian kerajaan kepada keperluan mengadakan sebuah pusat simpanan atau gedung rekod di negara ini.

Ekoran itu, pada Mei 1957, Penolong Penyimpan Rekod dari Public Record Office, London, HN Blakiston dihantar ke Kuala Lumpur. Dalam masa dua bulan di negara ini, beliau membuat tinjauan ke atas keadaan rekod di 108 buah Jabatan Kerajaan Persekutuan serta kerajaan negeri di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Dalam laporannya bertarikh 26 Julai 1957, Blakiston mencadangkan supaya satu Perkhidmatan Rekod Persekutuan diwujudkan melalui penguatkuasaan undang-undang yang turut disertai kerajaan negeri. Laporan beliau juga menyentuh keperluan melantik seorang Penyimpan Rekod Awam dan dua orang Penolong Penyimpan pada peringkat permulaan serta keperluan memulakan satu kaedah ulangkaji rekod kerajaan secara sistematik.

Pada dasarnya, kerajaan menerima cadangan yang terkandung dalam laporan Blakiston dan Pejabat Rekod Awam, Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan dengan rasminya pada 1 Disember 1957. Mubin Sheppard (Allahyarham Tan Sri Abdul Mubin Sheppard) dilantik sebagai Penyimpan Rekod Awam yang pertama. Bersesuaian dengan amalan antarabangsa pada November 1963, kerajaan menukarkan nama jabatan ini daripada Pejabat Rekod Awam kepada Arkib Negara Malaysia dan nama ini kekal hingga kini.

Pada tahun penubuhannya, pejabatnya ditempatkan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur sebelum berpindah ke Jalan Raja, Kuala Lumpur. Jabatan ini dipindahkan pula ke Bangunan Persekutuan, Jalan Sultan, Petaling Jaya pada 1961.

Bahagian Pengurusan Rekod Arkib Negara bermula di sebuah bilik stor di Jalan

Datuk Onn, Kuala Lumpur dan pada pertengahan 1963, bahagian ini berpindah ke ruang lebih besar di sebuah banglo di No.3, Jalan Tengah, Kuala Lumpur. Pada Oktober 1965, Bangunan Pusat Perkhidmatan Rekod di Petaling Jaya siap dibina dan menjadi bangunan sendiri pertama Arkib Negara yang mempunyai ciri-ciri sebuah bangunan arkib.

Bangunan itu dilengkapi bilik memproses rekod dan repositori berhawa dingin sepanjang masa. Bangunan itu dirasmikan Tun Abdul Razak Hussein, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, pada 5 Disember 1966 dan dikenali pada asalnya sebagai Pusat Urusan Rekod.

Selepas beberapa kali pertukaran lokasi, akhirnya pada 1975 sebuah tapak seluas tujuh ekar di persimpangan Jalan Duta dan Jalan Kuching telah diperuntukkan bagi projek bangunan Arkib Negara. Pada 12 November 1977, Tun Hussein Onn, selaku Perdana Menteri Malaysia meletakkan Batu Asas bangunan baru Arkib Negara. Bangunan ini siap pada September 1982 dengan perbelanjaan sepenuhnya sebanyak \$13.5 juta. Pembukaan rasmi Bangunan Arkib Negara disempurnakan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Sultan Abu Bakar pada 1 Disember 1982. Tarikh pembukaan rasmi bangunan Arkib Negara Malaysia ini juga adalah ulang tahun Jubli Perak penubuhan Arkib Negara Malaysia.


Sejak ditubuhkan, Arkib Negara diletakkan di bawah tanggungjawab pelbagai agensi utama dan kementerian bermula dengan Jabatan Perdana Menteri pada 1957 diikuti dengan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan pada 1973, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar pada 1975 dan mulai 1978, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sejak 1980, Arkib Negara mula diletak di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan seterusnya di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelan-

## FAKTA

### Sejarah Arkib Negara.

- 1957- Ditubuhkan pada 1 Disember 1957 sebagai pejabat Rekod Awam.
- 1963- Dikenali sebagai Arkib Negara Malaysia
- 1966- Akta Arkib Negara No 44, Tahun 1966 diluluskan
- 1966 - Bangunan Arkib Negara Malaysia di Petaling jaya dirasmikan.
- 1982 - Arkib Negara Malaysia berpindah ke bangunan baru di Jalan Duta, Kuala Lumpur.
- 2003 - Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) diluluskan.
- 2004 - Arkib Negara Malaysia diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.



**SIMPAN KHAZANAH: Bangunan Arkib Negara pada 1982.**

congkan pada 1987. Bermula 2003 dan sehingga kini, jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Dalam persijilan MS ISO, Arkib Negara Malaysia memperoleh sijil pengiktirafan MS ISO 9002: 1994 pada Disember 2000 melalui bidang pelaksanaan Perolehan dan Pemeliharaan Fail-Fail Rasmi Kerajaan. Arkib Negara telah menaiktaraf MS ISO 9002:1994 ini kepada MS ISO 9001 : 2000 pada Jun 2003 dan telah diluluskan Sirim pada awal 2004. Arkib Negara Malaysia dianugerahkan Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9001 pada 18 April 2005.

Kini Arkib Negara terus bertapak kukuh memberikan perkhidmatan kepada negara dan masyarakat serta memainkan peranan penting dalam segala aktiviti berhubung sejarah dan kebudayaan negara. Selain memelihara rekod sebagai khazanah warisan negara, Arkib Negara juga menjalankan pelbagai program pengembangan bagi memasyarakatkan arkib dan seterusnya menyemai perasaan cintakan warisan sejarah negara dan cintakan tanah air di kalangan generasi hari ini.

---

**Bahan disediakan oleh Ketua Cawangan Perhubungan Awam Arkib Negara Malaysia, Norsuriaty Awang Hassim**